



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 20 JUN 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BERAYA SAKAN HASIL PADI, BERKAT BANTUAN KERAJAAN DAN BERNAS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	2 HEKTAR TANAMAN KELAPA DIMUSNAHKAN GAJAH, KERUGIAN CECAH RM1.8 JUTA, NASIONAL, BERITA HARIAN – 22	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
3.	RUGI RM1.8 JUTA ANGKARA 'ABANG BESAR', NEGARA, KOSMO – 13	
4.	380 POKOK KELAPA SGG DIMUSNAH GAJAH, LOKAL, HARIAN METRO – 17	
5.	KADAR SST BARANGAN IMPORT TERPILIH MUNGKIN DISEMAK SEMULA, NASIONAL, SINAR HARIAN - 3	LAIN-LAIN
6.	KERAJAAN TELITI SEMULA PELUASAN SST TERHADAP BUAH IMPORT, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 4	
7.	BONSAI KELAPA, REZEKI SELEPAS PKP, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 28	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Beraya sakan hasil padi, berkat bantuan kerajaan dan BERNAS

Oleh FITRI NIZAM

utusannews@mediamulla.com.my

TANJUNG KARANG: Bagi pesawah Mohd. Izuan Zainal Abidin, sambutan Hari Raya Aidiladha baru-baru ini jauh lebih bermakna apabila hasil tuai padi yang lumayan membolehkan keluarganya 'beraya sakan' selepas enam bulan bertungkus-lumus di sawah.

Jika Aidilfitri lalu terpaksa dikorbankan demi memastikan tanaman tidak diserang serangga perosak, Aidiladha kali ini membawa rezeki besar hasil daripada kerja kerasnya serta sokongan pelbagai pihak, khususnya daripada kerajaan dan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

"Musim lalu memang mencabar. Cuaca tak menentu, serangan perosak Bena Perang serang sampai 0.6 hektar sawah saya rosak. Masa itu raya pun tak sempat nak jenguk keluarga sebab sibuk selamatkan padi. Tapi syukur, dengan pengalaman dan bantuan BERNAS, saya dapat kawal keadaan," katanya.

PENDAPATAN BERGANDA, SEMANGAT BAHARU

Pesawah separuh masa itu berkata, berkat penyertaan dalam program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang diterajui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan diselia oleh BERNAS, hasil sawahnya melonjak sehingga 60 peratus.

"Kalau sebelum ini untung sekitar RM3,000, sekarang hasil boleh cecah RM5,000. Subsidi harga padi kerajaan RM500 per tan pun banyak membantu. Ditambah pula BERNAS bantu dengan sewa jentera menuai dan bimbingan teknikal. Kos lebih rendah, hasil lebih baik," katanya.

Menurut Mohd. Izuan, bantuan berbentuk subsidi baja dan racun menerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) serta latihan daripada BERNAS bukan sahaja mengurangkan kos operasi, malah meningkatkan produktiviti.

"Bantuan macam ini mungkin orang luar tak nampak, tapi bagi kami pesawah - sangat besar maknanya. BERNAS ada waktu susah, beri tunjuk ajar, bantu cari penyelesaian bila masalah timbul," katanya.

AZAM BESAR, MAHU LUASKAN SAWAH

Menurutnya, dia memulakan



MOHD. Izuan Zainal Abidin menyembur racun pada batas selepas musim menuai di petak sawahnya di Sawah Sempadan, Tanjung Karang, baru-baru ini. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI



MOHD. Izuan Zainal Abidin memeriksa biji benih padi selepas musim menuai di Sawah Sempadan, Tanjung Karang.

langkahnya ke alam pertanian dengan hanya mengambil upah di sawah milik orang sebelum mengorak langkah berkongsi modal dengan rakannya untuk menyewa 1.8 hektar tanah.

"Musim demi musim, daripada

hanya 1.8 hektar sawah yang diusahakan bersama rakan, kini saya mengurus sekitar tujuh hektar sawah secara bersendirian sejak beberapa musim lalu bagi menambah pendapatan keluarga," katanya.

Kalau sebelum ini untung sekitar RM3,000, sekarang hasil boleh cecah RM5,000. Subsidi harga padi kerajaan RM500 per tan pun banyak membantu. Ditambah pula BERNAS bantu dengan sewa jentera menuai dan bimbingan teknikal. Kos lebih rendah, hasil lebih baik

MOHD. IZUAN ZAINAL ABDIN

Berbekalkan hasil memberangsangkan itu, Mohd. Izuan merancang untuk menanam padi wangi di musim Julai-Oktober ini dengan harapan mendapat pulangan lebih baik.

"Dulu masa pandemik hampir

putus asa. Tapi saya bangkit balik. Sekarang dengan sokongan BERNAS dan kerajaan, saya yakin boleh teruskan usaha. Tanah tujuh hektar ni saya nak maksimumkan hasilnya," katanya penuh semangat.

Bapa kepada tiga anak itu turut aktif menyertai bengkel pertanian serta menjadi antara pesawah rujukan dalam pembangunan varieti padi tahan cuaca ekstrem.

KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Mohd. Izuan melihat kerjayanya bukan sekadar mencari rezeki, tetapi sebagai sumbangan kepada negara.

"Bila tengok orang makan nasi di restoran, saya rasa puas. Itu hasil titik peluh pesawah. Keterjaminan makanan ini bukan kerja kerajaan atau BERNAS sahaja, pesawah pun ada peranan," katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut mengumumkan bantuan khas tambahan yang keseluruhannya berjumlah RM90 juta oleh BERNAS bagi meringankan beban pesawah di seluruh negara - inisiatif yang diakui sangat membantu pesawah seperti Mohd. Izuan untuk terus berjuang dan berkembang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	22



Keadaan tanaman kelapa di Zon Pengeluaran Makanan (ZPM) Sedili Kechil yang rosak akibat diserang gajah.
(Foto Izz Laily Hussein/BH)

2 hektar tanaman kelapa dimusnahkan gajah, kerugian cecah RM1.8 juta

Kota Tinggi: Sebanyak dua hektar tanaman membabitkan 380 kelapa jenis Sungai Gulang-gulang (SGG) di Zon Pengeluaran Makanan (ZPM) Sedili Kechil, di sini musnah diserang gajah menyebabkan kerugian RM90,000.

Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pengerang, Mohamad Azhar Din, berkata serangan gajah berlaku pada 16 Jun lalu dan yang terbaru Selasa lalu.

Beliau berkata, pokok itu ditanam akhir 2023 lalu dan sepatutnya mengeluarkan hasil dalam masa tiga tahun, tetapi kini musnah diserang gajah.

“Kita percaya gajah ini bergerak dalam beberapa kumpulan kecil yang dianggarkan setiap kumpulan terdapat tiga hingga lima ekor yang menyerang se-

awal jam 12 tengah malam hingga Subuh.

“Sebelum ini, kawasan ini tiada rekod serangan gajah, sebab itu kita tanam kelapa,” katanya ketika ditemui di Pejabat PPK Pengerang, Bandar Penawar di sini, kelmarin.

Mengulas lanjut, Mohamad Azhar berkata, sejak Oktober tahun lalu, sebanyak 35 hektar kawasan tanaman kelapa menjadi serangan gajah milik lima usahawan dan tiga pertubuhan peladang membabitkan 13 lot tanaman.

“Sehingga kini sebanyak 6,171 pokok kelapa terjejas, yang mana semuanya berusia antara setahun hingga sembilan tahun.

“Anggaran kerugian sehingga kini mencecah RM1.8 juta mencakupi kos pembangunan, infrastruk-

tur dan kos pengurusan,” katanya.

Beliau berkata, seramai 32 usahawan mengusahakan pelbagai jenis tanaman di ZPM Sedili Kechil, yang mana tanah kawasan itu milik enam pertubuhan peladang dengan PPK Pengerang selaku ejen pengurusan yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus hal ehwal pentadbiran tanah dan lain-lain pengurusan.

Katanya, PPK Pengerang menguruskan 800 hektar kawasan dengan 154 hektar adalah bagi tanaman kelapa pelbagai varieti.

Bagaimanapun, beliau berkata, tanaman kelapa menjadi sasaran terkini kumpulan gajah kerana jenis tanaman berumbut sesuai dengan diet haiwan itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2025	KOSMO	NEGARA	13



KEADAAN pokok kelapa di ladang milik PPK Pengerang di ZPM Sedili Kechil yang musnah diserang gajah liar di Pontian awal minggu ini.

Rugi RM1.8 juta angkara 'abang besar'

- **6,000 anak pokok kelapa di Sedili musnah**
- **Diserang kumpulan gajah liar sejak Oktober lalu**

Oleh MASTURAH SURADI

KOTA TINGGI – Belum sempat meraih hasil pertama, lebih 6,000 pokok kelapa milik usahawan dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pengerang di Zon Pengeluaran Makanan (ZPM) Sedili Kechil di sini musnah dalam tempoh sembilan bulan selepas diserang kumpulan gajah liar sejak Oktober tahun lalu.

Pengurus Besar PPK Pengerang, Mohamad Azhar Din berkata, serangan yang berlarutan sehingga kini menyebabkan anggaran kerugian mencecah RM1.8 juta melibatkan kos pembangunan, infrastruktur dan pengurusan, namun tidak termasuk nilai hasil yang sepatutnya dijana dalam tempoh jangka panjang.

ISU SETEMPAT

Katanya, sebanyak 35 hektar tanah dalam kawasan ZPM itu telah terjejas melibatkan 6,171 batang pokok kelapa pelbagai varieti berusia antara satu hingga sembilan tahun.

Menurutnya, tanah berkenaan diusahakan oleh 32 usahawan dan enam pertubuhan peladang dan di kawasan yang terjejas, terdapat 13 lot melibatkan lapan pemilik iaitu lima usahawan dan tiga pertubuhan termasuk PPK sendiri.

"Kumpulan gajah dipercayai bergerak dalam kelompok kecil antara tiga hingga lima ekor, dan kebiasaan menyerang pada waktu tengah malam hingga subuh.

"Terbaru serangan berlaku pada Isnin dan Selasa lalu yang

menjejaskan kira-kira 380 pokok dengan anggaran kerugian sekitar RM90,000.

"Pokok-pokok berkenaan baru ditanam penghujung 2023 dan dijangka mengeluarkan hasil tahun depan," katanya ketika ditemui di pejabat PPK Pengerang, Bandar Penawar di sini.

Mohamad Azhar berkata, pihaknya sudah membuat pelbagai langkah kawalan termasuk membina pagar, parit dan rondaan seperti disyorkan pihak jabatan perhilitan.

"Jika serangan terus berlaku, hasrat kerajaan negeri untuk memperluas tanaman kelapa bagi mengukuhkan sektor agromakanan Johor berisiko tidak tercapai.

"Untuk rekod, kawasan ini tiada sejarah serangan gajah sebelum projek kelapa ini dilaksanakan. Sebelum ini hanya babi, tikus, monyet dan itu boleh dikawal.

"Dua malam saja dah habis dua hektar dikerjakan gajah. Kalau tiap bulan ada serangan, tak mustahil habis semua," katanya lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2025	HARIAN METRO	LOKAL	17

ZON PENGELUARAN MAKANAN (ZPM) SEDILI KECHIL

380 pokok kelapa SGG dimusnah gajah

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Kota Tinggi

Baru sahaja 'berusia' kira-kira setahun enam bulan, 380 pokok kelapa jenis Sungai Gulang-Gulang (SGG) yang ditanam di Zon Pengeluaran Makanan (ZPM) Sedili Kechil di sini, musnah diserang gajah.

Kejadian yang berlaku pada 16 Jun dan Selasa lalu itu, adalah insiden terbaru serangan gajah di lokasi berkenaan sekali gus membuktikan keserangan gajah di kawasan itu terus berlarutan sejak Oktober 2024.

Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pengerang, Mohamad Azhar Din berkata, dalam kejadian dua hari itu sahaja, sebanyak dua hektar tanah tanaman kelapa terjejas membabitkan kerugian RM90,000.

"Pokok yang terbaharu ini ditanam akhir 2023 menggunakan peruntukan yang baharu kita terima ketika itu yang mana sepatutnya akan mengeluarkan hasil dalam masa tiga tahun, tetapi kini musnah diserang gajah.

"Kita percaya gajah ini bergerak dalam beberapa kumpulan kecil dianggarkan setiap kumpulan terdapat tiga hingga lima ekor yang mana mereka mula membuat serangan seawal jam 12 tengah malam hingga waktu Subuh.

"Sebelum ini, kawasan ini tiada rekod serangan gajah, sebab itu kita tanam kelapa," katanya ketika ditemui di Pejabat PPK Pengerang, Bandar Penawar di sini, pada Rabu.



KEADAAN tanaman kelapa di Zon Pengeluaran Makanan (ZPM) Sedili Kechil yang rosak akibat diserang gajah. - Gambar NSTP/IZZ LAILY HUSSEIN

Mengulas lanjut, beliau berkata, sejak Oktober tahun lalu, 35 hektar kawasan tanaman kelapa menjadi serangan gajah milik lima usahawan dan tiga pertubuhan peladang membabitkan 13 lot tanaman.

"Sehingga kini sebanyak 6,171 pokok kelapa terjejas yang mana semuanya berusia antara setahun hingga sembilan tahun.

"Anggaran kerugian sehingga kini RM1.8 juta mencakupi kos pembangunan, infrastruktur dan kos pengurusan," jelasnya.

Untuk rekod, seramai 32 usahawan mengusahakan pelbagai jenis tanaman di ZPM Sedili Kechil yang mana tanah kawasan itu milik enam pertubuhan peladang dengan PPK Pengerang selaku ejen pengurusan dipertanggungjawabkan untuk mengurus hal ehwal pentadbiran tanah dan lain-lain pengurusan.

PPK Pengerang mengurus 800 hektar kawasan dengan 154 hektar tanaman kelapa pelbagai varieti.

Bagaimanapun, Mohamad Azhar berkata, tana-

man kelapa menjadi sasaran terkini kumpulan gajah kerana jenis tanaman berumbut sesuai dengan diet haiwan mamalia darat terbesar itu.

Menurut Mohamad Azhar, pelbagai usaha sudah dilaksanakan pihaknya serta usahawan terlibat, antaranya kawalan 3P seperti disyorkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Jabatan Perhilitan) iaitu memasang pagar, membuat parit dan rondaan (*patrolling*).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	3

Kadar SST barangan import terpilih mungkin disemak semula

BANGI – Kerajaan tidak menolak kemungkinan menyemak semula kadar Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) terhadap beberapa barangan import terpilih termasuk buah-buahan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, langkah itu wajar memandangkan negara tidak mengeluarkan buah-buahan tertentu seperti epal dan limau mandarin.

“Saya berpandangan ada kemunasabahan untuk dilihat semula. Kementerian Kewangan sedang melihat perkara ini,” katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis sambutan Hari Pendidik Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di sini pada Khamis.

Ujar Ahmad Zahid, pandangan yang dikemukakan Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd, Datuk Ameer Ali Mydin harus dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri dengan mengambil kira beberapa keperluan rakyat terhadap buah-buahan import.

“Hasil cukai buah-buahan kepada negara pun tidak begitu tinggi. Jadi, kalau dikenakan SST, maka harga buah-buahan itu akan meningkat.

“Saya tahu tujuannya adalah untuk melindungi buah-buahan tempatan, tetapi kita tidak mengeluarkan epal dan limau mandarin,” jelasnya.

Pada Rabu, *Sinar Harian* melaporkan kenyataan Ameer yang menggesa kerajaan mengecualikan SST terhadap buah-buahan rakyat.

Menurut Ameer, langkah kerajaan mengenakan SST terhadap buah-buahan import adalah suatu perkara yang tidak masuk akal kerana ia turut dibeli rakyat berpendapatan rendah.

Kerajaan teliti semula peluasan SST terhadap buah import



AHMAD Zahid Hamidi berucap pada Sambutan Hari Pendidik Jabatan Kemajuan Masyarakat 2025 di Institut Kemajuan Desa (INFRA), Bangi, semalam. - PEJABAT TPM

Oleh JOHANNA

MUMTAZ WANPA

johanna.pa@mediamula.com.my

BANGI: Kerajaan akan meneliti semula pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) terhadap buah-buahan import dalam tempoh sebulan berikutnya. Kebimbangan dibangkitkan pelbagai pihak termasuk pemain industri.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan mengambili maklum pandangan yang dikemukakan dan akan mempertimbangkan semula senarai barangan yang dikenakan cukai berkenaan.

Katanya, perkara itu akan dibawa ke peringkat Jemaah Menteri sebelum sebarang keputusan muktamad dibuat dengan mengambil kira keperluan rakyat termasuk golongan berpen-

dapatan rendah.

"Contohnya, negara kita tidak mengeluarkan buah epal atau limau mandarin. Jadi, walaupun tujuan pengenalan SST adalah untuk melindungi industri buah-buahan tempatan, perlu difahami bahawa tidak semua jenis buah-buahan dapat dikeluarkan dalam negara.

"Saya percaya akan ada penerjelasan terhadap senarai barangan tertentu yang dikenakan SST antara-lima hingga 10 peratus. Namun, hal ini belum dimuktamadkan dan masih memerlukan pertimbangan Jemaah Menteri. Saya yakin Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi sedang meneliti perkara ini secara menyeluruh," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Pendidik Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Peringkat

Kebangsaan 2025 di Dewan Besar, Institut Kemajuan Desa (INFRA) di sini, semalam.

Pengarah Urusan Mydin Holdings Bhd, Datuk Ameer Ali Mydin Mohamed baru-baru ini dilaporkan berkata, langkah kerajaan mengenakan SST ke atas buah import sebagai 'tidak masuk akal' memandangkan barangan itu turut digunakan rakyat berpendapatan rendah.

Minggu lalu, kerajaan mengumumkan bahawa SST yang diperluaskan akan dilaksanakan mulai 1 Julai 2025 dengan cukai jualan sebanyak lima hingga 10 peratus dikenakan ke atas barangan terpilih dan bukan keperluan.

Menurut Ahmad Zahid, pandangan yang dikemukakan pihak industri seperti Mydin bukanlah pandangan terpencil sebaliknya harus diberi perhatian sewajarnya dalam merangka dasar yang lebih adil dan menyeluruh.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

Bonsai kelapa, rezeki selepas PKP

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
utusannews@mediamulia.com.my

KLANG: Bermula sebagai sekadar hobi untuk mengisi masa lapang sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kini bertukar menjadi sumber pendapatan tetap buat Mohd. Zulkifli Hasan Basri, 40, apabila dia berjaya menghasilkan lebih 300 pokok bonsai kelapa di Kampung Perepat, Kapar.

Mohd. Zulkifli berkata, minatnya terhadap bonsai kelapa tercetus selepas secara tidak sengaja menonton video mengenai tanaman hiasan itu di media sosial.

Terpesona dengan keunikan bentuknya, dia mula mempelajari teknik pembuatannya melalui internet sebelum melakukan percubaan pertama menggunakan kelapa tua yang dikutip di sekitar kampungnya.

"Saya buat hanya untuk suka-suka, sebagai hiasan di halaman rumah, tetapi bila saya berjaya hasilkan bentuk bonsai yang menarik, ramai pula yang tanya dan mahu beli. Daripada situ saya nampak potensi untuk jadi sebagai sumber rezeki," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Permintaan terhadap bonsai kelapa hasil tangannya datang dari pelbagai negeri seperti Johor, Kedah dan Perak, menjadikannya sebagai salah satu sumber pendapatan yang semakin berkembang.

Pelbagai bentuk bonsai kelapa



MOHD. Zulkifli Hasan Basri mengubah bonsai kelapa bentuk kerengga di kediamannya di Kampung Perepat, Kapar, Klang, Selangor.
- UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

unik dihasilkannya dan antara unik ialah berbentuk seperti kerengga dan bercabang dua.

Setiap pokok dijual dengan harga antara RM200 hingga RM500, bergantung kepada usia dan tahap kreativiti gubahan.

Mohd. Zulkifli mengambil masa antara enam bulan hingga setahun untuk membuat kelapa bonsai yang dibentuk dengan sempurna.

Antara kelapa sesuai dijadikan bonsai ialah kelapa kampung, kelapa matang dan kelapa gading.

Mengenai aspek penjagaan, Mohd. Zulkifli berkata penjagaan bonsai tidak sukar, cuma perlu pastikan ia tidak terlalu terdedah kepada cahaya matahari.

"Pemantauan juga penting untuk elakkan pokok membesar melebihi saiz diingini," katanya.